



Peraduan ‘Hero Bangkit’: Tesco dan Astro bergabung untuk memperkasakan PKS Malaysia

Baucar Tesco bernilai RM50,000 dan pakej siaran Astro Radio menanti para usahawan yang berjaya

KUALA LUMPUR, 5 Ogos 2020: Diilhamkan oleh semangat #kitajagakita rakyat Malaysia di masa wabak Covid-19, Tesco Stores (Malaysia) Sdn Bhd dan Astro telah bergabung bersama untuk membantu para usahawan dengan peraduan ‘Hero Bangkit’ pada bulan Merdeka ini.

‘Hero Bangkit’, yang berlangsung dari 6 hingga 30 Ogos 2020, akan menyaksikan 10 usahawan tempatan memenangi baucar Tesco bernilai RM50,000 dan pakej pengiklanan percuma yang akan disiarkan di platform terrestrial dan digital Astro Radio.

"Kami kagum dengan semangat keusahawanan yang kami lihat sepanjang pandemik Covid-19, terutamanya dengan cara bagaimana rakyat Malaysia berdepan dengan masalah melalui memulakan perniagaan di rumah dan menggunakan kemahiran yang mereka sudah miliki seperti memasak, membuat kek, menjahit, dan ada juga yang menjadi ‘personal shopper’," kata Pengarah Pelanggan Tesco, Vivian Yap.

“Peraduan “Hero Bangkit” kami dirancang untuk menghargai dan memperkasakan lagi usahawan-usahawan yang bukan hanya berdaya tahan semasa waktu yang mencabar ini, tetapi masih boleh mengembangkan perniagaan mereka dengan memberikan mereka baucar Tesco bernilai RM5,000 dan pendedahan jenama di platform Astro. Kami percaya bahawa bulan Merdeka adalah masa terbaik untuk mengadakan peraduan ini memandangkan bulan ini secara tradisionalnya dikaitkan dengan usaha kepahlawanan (heroic efforts) dan usahawan-usahawan ini adalah hero di mata kami,” lanjutnya.

“Di Tesco, kami percaya bahawa Setiap Bantuan Bermakna dan peraduan ‘Hero Bangkit’ kami menawarkan platform sokongan kepada para usahawan. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Astro kerana bekerjasama dengan kami dalam membantu usahawan-usahawan ini mengembangkan perniagaan mereka kepada orang ramai,” kata Vivian.

Jeyapuvan Somasundram, Naib Presiden, Astro Media Solutions berkata, “Ia adalah amat berinspirasi untuk melihat orang ramai dan organisasi-organisasi saling membantu semasa individu-individu dan perniagaan-perniagaan menghadapi gangguan ekonomi yang belum pernah terjadi sebelum ini, yang disebabkan oleh pandemik Covid-19. Astro dengan pantas memperkenalkan serangkaian inisiatif untuk menyokong Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di platform TV, radio, digital, dan perdagangan kami. Kami gembira kerana dapat bekerjasama dengan Tesco melalui ‘Hero Bangkit’ untuk menyokong PKS. Dengan menyertai peraduan yang menarik ini, usahawan tempatan akan dapat mempromosikan perniagaan mereka Astro Radio dengan secara percuma.”

"Radio tetap menjadi sumber maklumat yang dipercayai oleh rakyat Malaysia, kerana tinjauan terbaru oleh GfK menunjukkan bahawa 97 peratus pendengar radio terus mendengar radio semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), sementara 80 peratus pendengar mempercayai maklumat yang mereka dapatkan dari penyampai radio kegemaran mereka. Dengan 16.9 juta pendengar mingguan dan tiga juta pengguna digital bulanan, jumlah pendengar Astro Radio kekal tegar di 11 jenama radio kami. Kami gembira dapat memainkan peranan kami dalam mendukung PKS yang memerlukan dan kami berharap pendedahan melalui jangkauan luas jenama radio kami akan membantu menghidupkan perniagaan mereka," tambah Jeyapuvan.

Usahawan Malaysia yang berminat boleh melayari laman web 'Hero Bangkit': www.herobangkit.com.my untuk berkongsi bagaimana perniagaan mereka dipengaruhi oleh Covid-19, apa yang telah mereka rancang untuk membina semula dan mengapa mereka harus dipilih sebagai pemenang. Orang ramai kemudian boleh memilih usahawan kegemaran mereka dari 31 Ogos hingga 4 September, sementara pemenang akan diumumkan di laman web mikro, ERA, MY, serta hlive, Astro RIA HD (Ch104) dan Astro RIA (Ch124) secara serentak pada jam 8.30 malam pada 7 September. Tertakluk kepada terma dan syarat.

Sementara itu, Tesco telah lama menjadi penyokong produk buatan tempatan dan ini dicerminkan dalam produk makanan Jenama Tesco, yang mana 80 peratusnya adalah produk buatan Malaysia.

TAMAT

About Tesco Malaysia

Tesco Malaysia was established in May 2002 through its first store in Puchong, Selangor. Today, it employs over 7,000 employees across 62 stores and two distribution centres throughout Peninsular Malaysia. In 2013, Tesco paved the way in online grocery shopping through the launch of Tesco Online which started in Klang Valley before expanding to Penang, Johor Bahru, Melaka, Negeri Sembilan and Ipoh. In July 2020, Tesco signed into the country's largest commercial solar power purchase agreement that will see the installation of solar PV panels in 15 of its stores.

About Astro

Astro is Malaysia's leading content and consumer company, serving 24 million individuals in 5.7 million or 75% of Malaysian households across our TV, radio, digital and commerce platforms. As a trusted brand, Astro keeps Malaysians entertained and informed with the largest content offering, same day date as USA, Korea, China, Hong Kong, as well as a variety of vernacular, international and live sports content. Our streaming service, Astro GO, allows its 1.2 million monthly active users to access their preferred content anytime, anywhere across multiple devices. Our multilingual entertainment and lifestyle app, SYOK offers access to all our radio brands, as well as podcasts and original videos. Our digital brands host 12.3 million digital monthly unique visitors while Go Shop, our home shopping and commerce business engages with 2.4 million shoppers. Astro is building an ecosystem to be Malaysia's entertainment destination of choice.